



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 2 OKTOBER 2023

- 1. PETANI RUGI PADI REBAH, SAWAH DITENGGELAMI AIR – BERITA HARIAN**
- 2. PETANI DI JERLUN MUSYKIL DAKWAAN BERAS TAK CUKUP – SINAR HARIAN**
- 3. PROJEK BENIH PADI MR297 TAMPUNG BEKALAN PESAWAH – SINAR HARIAN**
- 4. BERAS KAMPIT 10KG DIJUAL RM26 HABIS DALAM MASA 3 JAM – KOSMO**
- 5. PADI M297 TINGKAT PENGETAHUAN BERAS DI MELAKA – HARIAN METRO**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 2 OKTOBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Petani rugi padi rebah, sawah ditenggelami air

Alor Setar: Kira-kira 100 petani di Kedah terpaksa menanggung kerugian puluhan ribu ringgit apabila padi yang sepatutnya sudah boleh dituai, rebah akibat angin termasuk ada yang ditenggelami air selepas hujan berlalu sejak akhir-akhir ini.

Pesawah, Mohd Hafizi Md Saad, 33, berkata dua hektar sawah yang diusahakan ditenggelami air sejak Isnin lalu, menyebabkan jentera tidak dapat menuai padi yang sudah masak.

Katanya, beliau kerugian lebih RM14,000 pada musim pertama tahun ini jika hujan berterusan.

"Saya perlu tanggung hutang yang banyak musim ini jika tiada hasil. Selalunya 70 peratus daripada hasil jualan padi akan digunakan untuk bayar hutang, tetapi kali ini mungkin tiada rezeki saya."

"Sejak 17 tahun lalu saya usahakan sawah, inilah kali pertama sawah ditenggelami air paling teruk. Saya harap cuaca akan bertambah baik dan air dalam sawah

akan segera surut. Jika hujan berterusan, batang padi mungkin patah dan mustahil ia dapat dituai selepas ini," katanya yang tinggal di Kampung Alor Madi, Anak Bukit, di sini.

Seorang lagi pesawah, Muhammad Najib Othman, 43, berkata 0.28 hektar daripada lebih sehektar sawah yang diusahakan turut ditenggelami air hampir satu meter sejak kelmarin.

Setakat ini, katanya, tiada tanda-tanda air akan surut berikutan cuaca masih mendung.

"Jika air surut dengan laju, ia juga boleh menyebabkan batang padi patah. Saya sudah 10 tahun usahakan sawah, kali ini sudah masuk tiga kali sebahagian sawah yang saya usahakan digenggam air," katanya.

"Saya terpaksa buat kerja lain untuk menambah pendapatan. Saya berdoa semoga air di sini cepat surut kerana sawah inilah yang menjadi punca utama mata pencarian penduduk kampung," katanya.



Mohd Hafizi menunjukkan padi yang ditenggelami air di Kampung Alor Madi, Anak Bukit, semalam.
(Foto Syahrim Abidin/BH)

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 2 OKTOBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Petani di Jerlun musykil dakwaan beras tak cukup



Dari kiri; Mohd Sobri, Idris dan Khashim menunjukkan sawah padi yang menanti masa untuk dituai.

JERLUN - Isu bekalan beras putih tempatan yang timbul sejak kebelakangan ini mendapat perhatian petani di kawasan Jerlun, Kedah.

Mohd Sobri Osman, 60, berkata, sebagai salah seorang petani yang merupakan penyumbang kepada bekalan beras negara, dia musykil apabila muncul masalah bekalan beras putih tempatan.

"Kami buat bendang macam biasa saja. Hasil pun tidak susut mendadak sampai tak ada langsung beras tempatan untuk dimakan."

"Anak saya yang duduk di Kuala Lumpur pun mengadu beras tempatan habis kat kedai," katanya ketika dijumpai di sini pada Rabu.

Bagaimanapun, beliau juga men-

dakwa melihat treler bersih ganti keluar dari kilang membawa bekalan beras putih tempatan hampir setiap hari.

"Saya syak ia kerja 'orang tengah'. Mungkin ada (pihak) yang cuba sembunyi atau tukar plastik beras tempatan kepada import," dakwa Mohd Sobri.

Sementara itu, Khashim Islam, 67, mengakui terpaksa akur apabila kerajaan menetapkan kuota import bagi menampung permintaan bekalan beras negara.

"Setahu saya, hanya 40 peratus beras import (di pasaran Malaysia) dan 60 peratus lagi adalah beras tempatan. Namun, situasi yang kita tengok sekarang dah macam 100 peratus beras import."

"Jadi saya harap kerajaan dapat kawal (bekalan beras putih tempatan). Saya sebagai petani dapat beli beras dari

Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dengan harga RM20 bagi kampit 10 kilogram (kg), tapi macam mana pula dengan golongan B40 yang bukan pertani? Mereka lagi tertekan," katanya.

Seorang lagi petani dari Kampung Kubang Jawi di sini, Idris Halim, 62, berkata pihak penguat kuasa perlu memainkan peranan penting dan mengambil tindakan sekiranya ada yang menyembunyikan bekalan beras tempatan.

"Kita takut ada yang cuba ambil kesempatan, sebab beras ini makanan rui kita. Walaupun harga mahal, orang ramai akan beli juga."

"Kalau dibiarakan berlarutan, harga beras boleh naik tanpa kawalan dan orang ramai juga tertindas," katanya.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 2 OKTOBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Projek benih padi MR297 tampung bekalan pesawah

JASIN - Kerajaan negeri bercadang mengusahakan 36 hektar sawah di Sempang di sini, bagi projek perintis penghasilan benih varieti padi MR297 untuk menampung bekalan petani di Melaka.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, pembangunan projek tanaman benih itu dijangka bermula awal tahun depan bagi memastikan golongan pesawah di Melaka mendapat bekalan secukupnya.

"Ini antara inisiatif kerajaan negeri bagi menggalakkan pesawah menanam padi jenis ini, sekali gus memastikan pengeluaran beras di Melaka dapat diper Tingkat dalam jangka masa panjang.

"Sebelum ini, mereka perlu mendapatkan bekalan dari luar Melaka selain ber-depan kesukaran mendapatkan benih varieti MR297 ini yang mampu menghasilkan tuaian dua hingga tiga kali ganda se-musim," katanya kepada pemberita di Kampung Tanjong Pinang, Sempang di sini pada Rabu.

Terdahulu beliau mengadakan lawatan di tapak kajian penuaian padi Projek Penyelidikan Pakej Agronomi Padi Varieti MR297 yang turut dihadiri Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr Mohd Syaifudin Abdul Rahman dan Pengarah MARDI negeri, Nik Adli Nik Muhammad.

Dr Muhamad Akmal berkata, hasil kajian di situ juga mendapati padi MR297 adalah amat baik dan sesuai ditanam di Sempang yang merupakan kawasan tadahan hujan.

Beliau berkata, kebiasaan padi yang ditanam bagi kawasan bukan jelapang hanya mengeluarkan hasil sekitar dua



Dr Muhamad Akmal (empat dari kanan) bergambar selepas mengadakan lawatan di tapak kajian Penuaian Padi Projek Penyelidikan Pakej Agronomi Padi Varieti MR297 di Kampung Tanjong Pinang, Sempang pada Rabu. Hadir sama Mohd Syaifudin (tiga dari kanan).

atau tiga tan per hektar, tetapi varieti MR297 tersebut mampu mencapai pengeluaran hasil dua hingga tiga kali ganda bergantung kepada sumber air dan nutrien.

"Benih varieti itu juga mampu bertahan walaupun kekurangan 20 peratus air di kawasan penanaman tadahan hujan yang bergantung kepada sumber air hujan dan sungai, berbanding penanaman di jelapang yang mempunyai sistem pengairan yang baik.

"Kita akan bekerjasama dengan MARDI dan semua agensi berkaitan untuk memulakan projek rintis tanaman benih ini supaya dapat dihasilkan dalam tempoh setahun setengah hingga dua tahun akan

datang," katanya.

Dr Muhamad Akmal berkata pihaknya juga akan mengadakan perbincangan untuk mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri supaya mewartakan 1,300 hektar kawasan tanaman padi di Melaka untuk tujuan pertanian.

Katanya, Melaka hanya mengeluarkan sembilan peratus bekalan beras kepada penduduk dan selebihnya diambil dari luar.

Cadangan gazet itu turut bertujuan mengelakkan kawasan tanaman padi terus berkurangan berikutan kegiatan tanah dijual untuk pembangunan, sekali gus menjamin sekuriti makanan negara. - Bernama

KERATAN AKHBAR

: KOSMO

TARIKH

: 2 OKTOBER 2023

PERKARA

: ISU SEMASA

Beras kampit 10 kg dijual RM26 habis dalam masa 3 jam



ORANG ramai mendapatkan beras kampit yang diedarkan FAMA di Simpang Pulai semalam.

IPOH – Program Jualan Beras Putih Tempatan (BPT) di Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Simpang Pulai di sini semalam berjalan lancar dengan 500 kampit BPT 10 kilogram (kg) habis dijual dalam tempoh kurang tiga jam.

Pengarah FAMA Perak, Noorsham Ramly berkata, penduduk di sekitar Simpang Pulai merupakan golongan sasaran bagi program yang merupakan sebahagian daripada Pelan Intervensi Pengedaran BPT tersebut.

"Orang ramai mula hadir ke pusat operasi FAMA tersebut seawal 9 pagi bagi mendapatkan beras berkenaan dan kesemua 500 kampit beras yang dijual pada harga RM26 itu habis sekitar pukul 11.30 pagi.

"Proses penjualan berjalan dengan lancar dan orang ramai melakukan pembelian secara teratur dan mengikut giliran masing-masing," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, FAMA Perak telah menerima 60 tan metrik BPT untuk jualan

sesi kedua ini dengan jumlah keseluruhan beras yang telah diterima berjumlah 94 tan metrik.

Katanya, Fama negeri mengadakan jualan intervensi BPT di enam pusat operasi iaitu di Pusat Operasi FAMA Simpang Pulai, Pusat Operasi FAMA Ipoh di Menglembu, Pusat Operasi FAMA Batu Kurau, Pusat Operasi FAMA Chui Chak, Pusat Operasi FAMA Manjung dan Pusat Operasi FAMA Bagan Datuk.

"Langkah intervensi ini adalah sebahagian kementerian dalam keterjaminan makanan," ujarnya.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 2 OKTOBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

Padi M297 tingkat pengeluaran beras di Melaka



DR Muhamad Akmal (tengah) bersama pesawah ketika melawat tapak kajian Penuaan Padi Projek Penyelidikan Paket Agronomi Padi Varieti MR297 di Kampung Sempang. - Gambar NSTP/AMIR MAMAT

Jasin: Benih varieti padi M297 yang lebih unggul mampu menghasilkan tuaian sehingga tiga kali ganda semusim dan ia pasti menguntungkan pesawah di Melaka.

Ketika ini, benih padi ini sudah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui projek perintis oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) di sawah seluas 10 hektar di Kampung Sempang, Merlimau di sini.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr

Muhamad Akmal Saleh berkata, susulan kejayaan projek rintis itu, pihaknya bercadang untuk meluaskan penanaman padi kepada beberapa hektar lagi di lokasi sama bermula awal tahun depan.

"Ini antara inisiatif kerajaan negeri bagi menggalakkan pesawah menanam padi jenis M297, sekali gus memastikan pengeluaran beras di Melaka dapat dipertingkatkan untuk jangka masa panjang.

Varieti M297 mampu capai pengeluaran hasil dua hingga tiga kali ganda

"Sebelum ini, pesawah perlu mendapatkan bahan benih dari luar selain berdepan kesukaran mendapat benih varieti M297 ini.

"Namun, selepas menggunakan benih jenis ini, saya yakin pesawah mampu menghasilkan tuaian dua hingga tiga kali ganda semusim," katanya.

Beliau diterusi ketika melawat tapak kajian Penuaan Padi Projek Penyelidikan Paket Agronomi Padi

Varieti MR297 di Kampung Sempang semalam.

Dr Muhamad Akmal berkata, hasil kajian Mardi mendapati padi M297 amat baik dan sesuai ditanam di Kampung Sempang yang juga kawasan tadahan hujan.

Katanya, kebiasaan padi yang ditanam bagi kawasan bukan jelapang hanya mengeluarkan hasil sekitar dua atau tiga tan sehektar tetapi varieti M297 ini mampu mencapai pengeluaran hasil dua hingga tiga kali ganda, bergantung kepada sumber air dan nutrien.

"Benih varieti ini juga mampu bertahan walaupun kekurangan 20 peratus air di kawasan penanaman tadahan hujan yang bergantung kepada sumber air hujan dan sungai berbanding penanaman di jelapang yang mempunyai sistem pengairan yang baik.

"Kita akan bekerjasama dengan Mardi dan agensi berkaitan untuk memulakan projek rintis tanaman benih ini supaya dapat dihasilkan dalam tempoh antara setahun setengah hingga dua tahun akan datang," katanya.